

**CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN**

Floating Jetty di Daerah Maritim 1 Langkawi, Kedah

**MENARIK DIDALAM**

- **PERJUMPAAN WARGA BERSAMA  
PENGARAH CKIP**
- **MESYUARAT AGUNG KESUKIP**
- **LAWATAN PENGARAH KE TUDM  
SUBANG & TANDATANGAN COFFEE  
TABLE BOOK**
- **PENYERAHAN PROJEK FLOATING  
JETTY MARITIM**



# PERUTUSAN PENGARAH

**Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanawataala kerana kita semua telah berjaya melepasi tahun 2020 yang sangat mencabar dan memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah dan inayahNya kerana kita diberikan kesempatan untuk bersama-sama melangkah ke gerbang Tahun Baharu 2021. Sepanjang tahun 2020 kita diuji dengan pelbagai cabaran dan musibah yang melanda negara seperti pandemik Covid-19.

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Sidang Redaksi, tidak lupa juga jasa dan kerjasama semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Buletin Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) Bil.1 2021. Saya amat berharap ianya dapat memberi maklumat dan infomasi yang terkini kepada semua pembaca.

Namun suka saya ingatkan, produktiviti di tempat kerja adalah satu proses yang berterusan. Mewujudkan budaya kerja yang produktif dalam kalangan warga CKIP adalah penting bagi memastikan visi dan misi

Jabatan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Ia bukan sahaja menyumbang kepada pengukuhan organisasi, malah membantu meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam secara amnya, sejajar dengan aspirasi Kerajaan.

Bagi menjayakan matlamat ini, perkara asas yang perlu ada pada semua pegawai dan kakitangan adalah dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan ikhlas, amanah, berintegriti dan bersungguh-sungguh, tekun serta penuh istiqamah. Ia hendaklah dilakukan dari dalam diri atau motivasi dalaman seseorang pekerja dan menjadi punca semangat yang jitu untuk berbakti dan mendapatkan keredaan Allah SWT.

Kesimpulannya, sikap yang betul, pengurusan masa yang baik, peralatan yang cekap, peraturan yang betul dan faktor-faktor lain boleh meningkatkan produktiviti di tempat kerja. Tepuk dada tanya selera ke arah mana hala yang dituju dalam menjadi kerja sebagai ibadah. Akhir kata semoga kita selamat menjalankan tugas dengan cemerlang. Semoga hari-hari yang mendatang membawa rahmat buat kita semua. Sekian.

**Ir. Waznah Binti Abdul Aziz**  
**Pengarah**

**Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan**

# SIDANG REDAKSI



**Penaung**  
**Ir. Waznah Binti Abdul Aziz**



**Ketua Editor**  
Rosmila Binti  
Osman



**Editor**  
Mohd Idzwan Bin  
Razali



**Penolong Editor**  
Mohd Fariz Bin  
Che Mud

**Bahagian DDT**  
Nur Syazwani binti Jamaluddin

**Bahagian Maritim**  
Noorlida Binti Md. Yusoff

**Bahagian Pangkalan Udara**  
Ir. Nor Elina binti Naha

**Bahagian Ukur Tanah**  
Nur Hayati Binti Ayob

**Bahagian Arkitek**  
Muhamad Haidar Bin Ahmad Zaini  
Nik Mohd Aiman bin Mohd Nasir



**Bahagian Elektrik**  
Ir. Haizman Hakim Bin Abdullah

**Bahagian Mekanikal**  
Roslizan bin Sulaiman

**Bahagian Ukur Bahan**  
Nadia Ashikin Binti Mohd Azizi

**Bahagian Darat**  
Nur Syafiqah binti Ahmad Jamal

**Bahagian PMO**  
Ridza Hafizuddin bin Ab Majid



## PENCAPAIAN

1-2

Pentaulihan Profesional

Anugerah Tokoh Cawangan

## AKTIVITI & BERITA CKIP

3

Salam Persaraan  
Pegawai CKIP

4

Penyerahan Projek Floating  
Jetty Maritim, Kemaman,  
Terengganu

5

Penyerahan Projek Floating  
Jetty Daerah Maritim 1,  
Langkawi Kedah

6

Projek Penempatan dan  
Pengoperasian Pesawat Airbus  
A400M

7

Penyerahan Projek Floating  
Jetty Daerah Maritim 2, Batu  
Uban, Pulau Pinang

8-9

Bengkel Pewujudan Pelan  
Bisnes CKIP bagi tahun 2021-  
2022

10-11

Perjumpaan Bersama  
Pengarah

12-13

Mesyuarat Agung  
KESUKIP

14

Lawatan Kerja-kkerja menaiktaraf  
Hub Nelayan Lembaga Kemajuan  
Ikan Malaysia (LKIM) Sungai  
Sembilang Kuala Selangor

15

Kursus Penggunaan TEKLA  
dalam Analisis dan Rekabentuk  
Struktur

16

Kursus Rekabentuk Sistem  
Rel Kereta Api

17

### • BAHAGIAN ARKITEK

1. Membina Dan Menyiapkan Stesen Keretapi di Chegar Perah, Kuala Lipis, Pahang.
2. Program Perkongsian Maklumat Berhubung Lukisan *Pre-Approved Plans* (PAP).

20

### • BAHAGIAN DDT

Perancangan dan Rekabentuk Kerja Sivil bagi Projek Kerja-kkerja Menaiktaraf Hub Nelayan LKIM Sungai Sembilang, Kuala Selangor.

### • BAHAGIAN DARAT

*Rehabilitation of Existing Railway Track- Pakej A*

## PERKONGSIAN ILMU CKIP

18

Perkongsian Ilmu  
bulan Ramadhan

21

Gambar Aktiviti Dan Program Secara Maya Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan Pada Musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

25

Pegawai Masuk &  
Keluar CKIP

19

### • BAHAGIAN MEKANIKAL

1. Sistem Pencegahan Kebakaran- *Fire Hose Reel*
2. *Wireless Remote Condition Monitoring Solution*

22

Ahli AKRAB CKIP

23

JPEDIA & JCOP

24

Pasukan Penyelam  
Maritim CKIP

TAHUKAH  
ANDA??

PENCAPAIAN



**STATUS BILANGAN  
PEGAWAI PROFESIONAL  
CKIP**

**JURUTERA AWAM**

**15**



1. Ir. Waznah binti Abdul Aziz
2. Ir. Ramlan bin Hamzah
3. Ir. Muhammad Khazani bin Abd Rahman
4. Ir. Md Khairi bin Yaacob
5. Ir. Mohd Mukhlis Jaya bin Abdullah
6. Ir. Farrid bin Jamaludin
7. Ir. Lee Sheau Feng
8. Ir. Mahalil bin Mohtar
9. Ir. Akram bin Hj Abdul Aziz
10. Ir. Dr. Khairul Anuar bin Sharif
11. Ir. Wong Thian Chun
12. Ir. Amirudean bin Sapiee @ Shafiee
13. Ir. Nur Wahida binti Bakhtiar
14. Ir. Nor Elina binti Naha
15. Ir. Ts. Nur Najwani binti Kamarulzaman

**JUMLAH  
26**

**JURUUKUR TANAH**

**7**



**JURUTERA ELEKTRIK**

**1**

1. Ir. Mohd Haizman Hakim bin Abdullah



**JURUTERA MEKANIKAL**

**1**

1. Ir. Abd Rashid bin Hussin



**JURUUKUR BAHAN**

**1**

1. Sr Noor Khazrillah binti Ramli



1. Sr Mustafa bin Hj. Md Kasim
2. Sr Norman bin Sulaiman
3. Sr Mohd Syamruz bin Zulkifli
4. Sr Rozwan Hakin bin Long
5. Sr Mohamad Zamri bin Mohd Noh
6. Sr Tan Swee Lee
7. Sr Faizah binti Mahmud



**ARKITEK**

**1**

1. Ar. Nik Muhammad Syahman bin Nik Ibrahim



**ANUGERAH TOKOH CAWANGAN  
JULAI-DISEMBER 2020**

**TAHNIAH & PENGHARGAAN**



Penyampaian Anugerah Tokoh Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) bagi bulan Julai hingga Disember 2020 telah berlangsung pada 19 Mac 2021 di Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 8 Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Anugerah telah disampaikan oleh YBrs. Ir. Waznah binti Abdul Aziz, Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infarstruktur Pengangkutan dan disaksikan oleh Ketua-ketua Bahagian CKIP.

Dengan penghargaan ini, diharap momentum pegawai terus kekal dalam meningkatkan pencapaian Cawangan seterusnya menjadi pekerja contoh kepada pegawai yang lain.

Pegawai-pegawai yang menerima Anugerah ini adalah seperti berikut:

- 1- Kategori Gred 41-44  
Muhamad Haidar bin Ahmad Zaini ( Bahagian Arkitek )
- 2- Kategori Gred 17-40  
Wahidah binti Ismail ( Bahagian Korporat )
3. Kategori Gred 17 ke bawah  
Lockman Amin bin Ismail ( Bahagian Korporat )



## PERSARAAN KPPK BAHAGIAN UKUR TANAH

Seluruh warga kerja Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, Jabatan Kerja Raya Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas khidmat bakti **YBrs. Sr MUSTAFA BIN HAJI MD KASIM, KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN, CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN, JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA** yang telah menamatkan perkhidmatannya sebagai kakitangan awam pada 11 Januari 2021.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Pembantu Teknik (J29) di JUPEM, Johor pada 20 April 1982. Sepanjang 39 tahun dalam perkhidmatan, beliau telah berkhidmat di gred jawatan dan penempatan adalah seperti berikut;

1. Tahun 1982 - 1991 : Pembantu Teknik (J29), JUPEM Johor.
2. Tahun 1992 - 1994 : Juruukur (J41), CAMS Kuala Lumpur.
3. Tahun 1994 - 2000 : Juruukur Tanah (J41), Cawangan Struktur dan Kejuruteraan Pakar, JKR.
4. Tahun 2000 - 2002 : Juruukur Daerah, Pejabat Ukur Daerah Johor Barat.
5. Tahun 2003 - 2009 : Ketua Program, Institut Tanah & Ukur Negara.
6. Tahun 2010 - 2016 : Ketua Penolong Pengarah, Data Geospasial Negara, JUPEM Kuala Lumpur.
7. Tahun 2017 - 2019 : Pengarah Ukur Negeri, Negeri Kelantan.
8. Tahun 2020 - 2021 : Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Ukur Tanah, Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan.



Sumber: [www.jkr.gov.my](http://www.jkr.gov.my)


Projek : Perolehan *Floating Jetty* di Pangkalan Maritim Kemaman , Terengganu

Tarikh : 25 Jan 2021

Tempat : Pangkalan Maritim, APMM Kemaman



Majlis Penyerahan Projek Perolehan Floating Jetty Di Pangkalan Maritim Kemaman, Terengganu telah diadakan pada 25 Jan 2021. Proses pembinaan projek ini bermula pada 8 Julai 2020 dan telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada 20 Januari 2021. Kos anggaran projek ini bernilai RM 991,250.00. Majlis ini telah dihadiri dan disempurnakan oleh wakil pelanggan, Komander Rashidil Hadi Bin Mat Deris, dan Jurutera Daerah Kemaman, Mohd Ali Bin Ismail serta pasukan projek JKR Daerah Kemaman.





Projek : Perolehan *Floating Jetty* di Daerah Maritim 1, Langkawi, Kedah

Tarikh : 26 Jan 2021

Tempat : Jetty Daerah Maritim 1, Langkawi, Kedah



Majlis Penyerahan Projek Perolehan Floating Jetty Di Daerah Maritim 1, Langkawi, Kedah. Projek ini telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada 26 Januari 2021. Kos anggaran projek ini bernilai RM 962,095.80.



**Projek : Infrastruktur bagi Penempatan Dan Pengoperasian Pesawat Airbus A400m**

**Tarikh : 16 Mac 2021**

**Tempat : Pangkalan TUDM Subang**



Projek Infrastruktur bagi Penempatan Dan Pengoperasian Pesawat Airbus A400m di Pangkalan TUDM Subang, Selangor Darul Ehsan merupakan projek kendalian Bahagian Pangkalan Udara, Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP). Projek yang menelan kos lebih RM220juta ini telah diserahkan kepada pelanggan sepenuhnya pada 19 Januari 2018 dan memperolehi Sijil Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) pada September 2020.

Pada 16 Mac 2021, Pengarah CKIP YBrs. Ir. Waznah binti Abdul Aziz yang juga merupakan Pegawai Penguasa projek telah mengadakan lawatan tapak bersama wakil kumpulan projek iaitu Ir. Ramlan bin Hamzah (Pengurus Besar Projek A400), Ir. Lee Sheau Feng (wakil HOPT) dan Muhammad Naim bin Ibrahim@Rauzan (Pegawai Tapak Bina Projek A400) serta diiringi beberapa wakil pegawai dari TUDM yang merupakan Pengguna (End-User) projek.



Lawatan dimulakan dengan sesi menandatangani *Coffee Table Book* bersama Pengarah CKIP disaksikan wakil pegawai TUDM iaitu Lt. Kol. Yusrizal bin Zain (Pegawai Memerintah No 22 Skuadron) dan Lt. Kol. Mohamed Nizam Zakariah (Ketua Tim PSGK), yang berlangsung di Lobi No 22 Skuadron. Lawatan telah diadakan ke beberapa lokasi termasuk Pejabat MTU-PSGK, Pejabat Ketua Pangkalan, Hangar A400M dan Kawasan *Bulk Fuel Installation* (BFI) TUDM Subang. Semua pegawai JKR dan TUDM telah mengambil gambar kenangan bersama pesawat A400M bertempat di Hangar A400m.

**Projek : Perolehan Floating Jetty Di Daerah Maritim 2 Batu Uban, Pulau Pinang.**  
**Tarikh : 22 Mac 2021**  
**Tempat : Jeti Polis Marin, Batu Uban, Pulau Pinang**



Majlis Penyerahan Projek Perolehan Floating Jetty Di Daerah Maritim 2 Batu Uban, Pulau Pinang pada 22 Mac 2021 ini telah dihadiri oleh wakil pelanggan Komander Maritim Amir bin Shubli, Ketua Cawangan Prasarana Dan Infrastruktur, Bahagian Pembangunan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Turut dihadiri oleh Kapten Maritim Abd Razak bin Mohamed, Pengarah APMM Negeri Pulau Pinang, Jurutera Daerah Timur Laut Ir. Abdur Rahman Azzam bin Che Sobry serta pasukan projek JKR Negeri Pulau Pinang dan JKR Daerah Timur Laut.



**Program : Bengkel Pewujudan Pelan Bisnes CKIP bagi tahun 2021-2022**

**Tarikh : 25 Mac 2021 - 26 Mac 2021**

**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 8, Mesyuarat Maritim, Bilik Bincang Maritim dan Bilik bincang Udara, Blok F Ibu Pejabat JKR Malaysia**



Bahagian Korporat dan Bahagian Pengurusan Portfolio (PMO), Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) telah menganjurkan satu Bengkel Pelan Bisnes dan Pelan Enterprise Risk Management (ERM) Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) Bagi Tahun 2021-2022. Bengkel ini berlangsung pada 25 Mac 2021 hingga 26 Mac 2021 dan objektif pelaksanaan adalah mewujudkan Pelan Bisnes CKIP bagi tahun 2021 hingga 2022. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs. Ir. Waznah binti Abdul Aziz, Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP), dengan turut dihadiri oleh Ketua Bahagian Pengurusan Perubahan dan Prestasi, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK), Dr. Zarabizan bin Zakaria serta kakitangan CKIP gred J41 ke atas seramai 42 orang. Kursus ini terbahagi kepada dua kaedah iaitu sesi pembentangan dan bengkel aktiviti kumpulan.

Pengisian bengkel:

1. Pembukaan bengkel pewujudan pelan bisnes CKIP tahun 2021-2022 oleh Pengarah CKIP.
2. Pengenalan Pelan Strategik JKR Tahun 2021-2022 dan cadangan Pelan Bisnes CKIP 2021-2022 oleh penceramah daripada CDPK (Pn. Nor Hazlina Binti Abdullah).
3. Kerja kumpulan untuk penwujudan pelan bisnes CKIP untuk kesemua Tema.
4. Pembentangan hasil kerja kumpulan bagi kesemua Tema.
5. Rumusan dan pengesahan deraf pelan bisnes CKIP tahun 2019-2020 oleh pengarah CKIP.

Barisan penceramah dan fasilitator jemputan untuk bengkel ini adalah terdiri daripada:

1. Nor Hazlina binti Abdullah, (JAK48, BPPP, CDPK)
2. Ainilhusna binti Mohd Shahir, (JA44, BPPP, CDPK)
3. Teh Masnira binti Mohd Hassan, (JE44, BPPP, CDPK)
4. Hasmidah binti Mohd Abdah, (JM, J41, BPPP, CDPK)



# SEKITAR PROGRAM PELAN BISNES CKIP

Program : Bengkel Pewujudan Pelan Bisnes CKIP bagi tahun 2021-2022

Tarikh : 25 Mac 2021-26 Mac 2021

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 8, Mesyuarat Maritim, Bilik Bincang Maritim dan Bilik Bincang Udara, Blok F Ibu Pejabat JKR Malaysia



**Program : Perjumpaan bersama Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan**

**Tarikh : 9 April 2021**

**Tempat : Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid**



Program “Hari Bersama Pengarah” Peringkat Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan telah diadakan pada 9 April 2021 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Program ini bertujuan bagi mengeratkan hubungan antara Pengarah dan pegawai serta membincangkan isu-isu yang berlaku di dalam Cawangan secara terbuka.

Program dimulakan dengan bacaan surah Yassin yang diketuai oleh Hj. Muhammad Hanif bin Mohamed dari Bahagian Mekanikal sebagai pembukaan program. Seterusnya, penyampaian amanat oleh Pengarah CKIP, YBrs. Ir. Waznah binti Abdul Aziz diteruskan bagi menyuntik semangat kepada warga CKIP. Antara perkara yang disentuh dalam amanat beliau adalah mengenai penularan wabak COVID-19, serta cabaran-cabaran yang bakal dilalui oleh warga kerja CKIP bagi memastikan penyampaian kerja yang cemerlang di samping mengekang penularan wabak ini. Beliau juga menggesa warga CKIP agar segera mendaftarkan diri dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai usaha melindungi diri masing-masing daripada penyakit berbahaya ini.

Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai strategi pelaksanaan Projek RMK-11 (sambungan) dan RMK-12 yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Cawangan dan berharap agar setiap pegawai dapat memberikan kerjasama serta komitmen yang terbaik dalam melaksanakan projek-projek ini. Beliau menegaskan bahawa sikap semangat kerja berpasukan amat penting dalam mencapai matlamat ini.

**Program : Perjumpaan bersama Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan**

**Tarikh : 9 April 2021**

**Tempat : Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid**

Sebagai penutup, beliau turut menasihati warga CKIP agar menjalankan tugas yang telah diamanahkan dengan ikhlas, jujur dan cermat selain menghindari amalan-amalan jenayah seperti rasuah dan penyalahgunaan dadah yang boleh merosakkan jati diri seorang penjawat awam selain memusnahkan diri penjawat awam itu sendiri.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada pasukan Kumpulan Kreatif dan Inovatif CKIP pada tahun 2020 iaitu KIPTECH di atas penyertaan mereka semasa Konvensyen KIK 2020. Seterusnya, Pengarah dengan berbesar hati pula menyampaikan token penghargaan kepada penerima Anugerah perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada 18 orang pegawai yang telah berjaya mendapatkan anugerah tersebut.

Program secara keseluruhannya telah berjalan dengan lancar dan tercapai objektifnya. Di samping dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain, program ini juga berjaya menjadi satu medan bagi bertukar pendapat dan buah fikiran bagi mencapai satu titik penyelesaian dalam pelbagai masalah yang dihadapi baik masalah dalam bidang tugas mahupun diluar pejabat.



**Program : Mesyuarat Agung KESUKIP 2020 Cawangan Kejuruteraan  
Infrastruktur Pengangkutan**

**Tarikh : 9 April 2021**

**Tempat : Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid**



Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Rekreasi Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (KESUKIP) 2020 telah diadakan pada 9 April 2021 bertujuan bagi melantik tampuk kepimpinan yang baru serta ahli-ahli jawatankuasa bagi memacu dan menggerakkan semula kelab supaya aktif dengan pelbagai aktiviti dan program.

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan pembukaan daripada Pengarah CKIP, YBrs. Ir. Waznah binti Abdul Aziz yang merupakan Yang Dipertua KESUKIP bagi menggantikan mantan Yang Dipertua terdahulu, YBrs. Ir. Mohamed Amin Bin Kasim. Seterusnya, mesyuarat diteruskan dengan pembentangan laporan kewangan dan laporan aktiviti KESUKIP sepanjang tahun 2019 dan 2020. Pembentangan penyata kewangan telah disampaikan oleh Nur Maizura Bismi Binti Mohamad selaku penolong manakala laporan aktiviti kesukip telah disampaikan oleh Seri Ermaniza Binti Mohd Emran selaku mantan setiausaha KESUKIP.

Seterusnya, majlis berlangsung dengan acara utama iaitu pemilihan jawatankuasa KESUKIP yang baru. Seramai 23 orang ahli jawatankuasa dilantik bagi jawatan termasuk Setiausaha, Bendahari, Biro Sukan dan Rekreasi, Biro Kerohanian dan Kebajikan, Biro Ekonomi, wakil setiap bahagian dan pemeriksa Kira-Kira. Meskipun berdepan dengan keadaan negara yang dilanda pandemik COVID-19, namun dengan kerjasama dan sokongan sesama ahli, Yang Dipertua KESUKIP melalui ucapannya yakin dengan semua ahli jawatankuasa yang dilantik agar dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan berharap kelab ini kekal aktif dan cemerlang.



Program : Mesyuarat Agung KESUKIP 2020 Cawangan Kejuruteraan  
Infrastruktur Pengangkutan

Tarikh : 9 April 2021

Tempat : Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid



**Program : Kerja-kerja menaiktaraf Hub Nelayan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sungai Sembilang Kuala Selangor**

**Tarikh : 4 Mac 2021**

**Tempat : Kawasan Projek Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sungai Sembilang Kuala Selangor**

Lawatan tapak Projek Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sungai Sembilang Kuala Selangor. Lawatan tersebut disertai oleh pegawai dan kakitangan dari Bahagian Dedicated Design Team (DDT) CKIP dan disambut oleh Jurutera Daerah JKR Kuala Selangor. Hasil daripada lawatan tersebut, peserta didedahkan dengan masalah dan isu yang timbul semasa pelaksanaan projek antaranya masalah kelulusan bekalan air yang lewat, peletakan pili bomba, keperluan sistem rawatan kumbahan dan sebagainya.

Pangkalan Nelayan Sungai Sembilang merupakan kawasan di mana nelayan laut menjalankan aktiviti menangkap ikan dan kerang-kerangan di perairan Kuala Selangor, Selangor. Pangkalan ini menjadi pusat kegiatan perikanan bagi nelayan setempat.

Antara aktiviti utama yang dijalankan di pangkalan ini adalah pendaratan ikan, tambatan sampan dan bot, jualan hasil tangkapan laut, stor alatan menangkap ikan, pembungkusan dan pembekalan ikan, *agrotourism*, *spotfishing*, pembaikan enjin / sampan dan pembaikan pukot / jaring.



**Program : Penggunaan TEKLA dalam Analisis dan Rekabentuk Struktur**

**Tarikh : 27 Januari 2021**

**Tempat : Bilik Perbincangan DDT, Tingkat 19, Menara PJD, Kuala Lumpur dan secara maya.**



Satu sesi kursus dalaman bagi pegawai bahagian *Dedicated Design Team* (DDT) telah berlangsung pada 27 Januari 2021 bertempat di Bilik Perbincangan DDT, Tingkat 19, Menara PJD, Kuala Lumpur. Kursus ini dihadiri oleh 8 orang peserta yang terdiri dari pegawai bahagian DDT. Program perkongsian ilmu ini diadakan secara *hybrid* iaitu secara persidangan bersemuka dan melalui video dengan menggunakan *Google Meet*. Tujuan program ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai di Bahagian DDT berkenaan dengan penggunaan *Software* TEKLA yang akan digunakan bagi proses rekabentuk struktur.



TEKLA *Structural Designer* Trimble adalah produk perisian untuk merancang dan menganalisis struktur konkrit dan keluli dengan memberikan gambar yang terperinci dan terperinci. Program ini adalah pilihan yang ideal dengan mengautomatiskan pelbagai operasi dan keupayaannya yang unik untuk analisis dan reka bentuk struktur konkrit dan keluli yang optimum, dan membantu industri kejuruteraan untuk meningkatkan kecekapan dan keuntungan akhir.

**Program : Kursus Rekabentuk Sistem Rel Kereta Api**

**Tarikh : 22-23 Mac 2021**

**Tempat : Bilik Citrus, Tingkat 18, Menara PJD**

Bahagian Darat telah menganjurkan kursus yang berlangsung selama 2 hari. Telah dihadiri oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai bahagian di dalam Cawangan CKIP.

Sesi perkongsian berkenaan kursus ini telah disampaikan oleh Ir. Hj. Abdul Wahab bin Ikhsan, dari syarikat TWA (M) Sdn. Bhd.



Tujuan kursus ini dilaksanakan kepada pegawai teknikal JKR adalah:

- i. Memberi pendedahan kepada Jurutera dan Penolong Jurutera di CKIP tentang konsep dan teknologi kereta api.
- ii. Memberi pemahaman asas tentang piawaian, prinsip reka bentuk dan pertimbangan yang digunakan dalam perancangan, pembinaan dan kendalian sesuatu sistem kereta api.
- iii. Memberi pengetahuan tentang aspek keselamatan, isu-isu penting/kritikal dan pertimbangan dalam memastikan projek kereta api dibina dan diserahkan dengan selamat untuk kendalian kepada orang awam.

Kursus ini penting bagi meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai bahagian Darat dalam mengetahui tentang konsep, kaedah perancangan dan prinsip rekabentuk sesebuah sistem kereta api.

**Program : Perkongsian Ilmu Bahagian Arkitek**

**Tarikh : 23 Mac 2021**

**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 8, Blok F Ibu Pejabat JKR Malaysia**

Satu sesi Perkongsian Ilmu dari Bahagian Arkitek telah diadakan pada di Bilik Mesyuarat Utama Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP), Tingkat 8, Blok F, Ibu Pejabat JKR bermula 8.30 pagi hingga 1.00 tengahari. Program pembukaan ini di rasmikan oleh YBrs. Ir. Waznah binti Abdul Aziz, Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan dan turut dihadiri oleh Ir. Ramlan bin Hamzah, Ketua Bahagian Korporat CKIP. Program perkongsian ilmu ini diadakan dengan secara *hybrid* iaitu secara persidangan bersemuka dan melalui video dengan menggunakan *Google Meet*.

Program ini terbahagi keda dua sesi iaitu:

Sesi 1:

Tajuk : Membina Dan Menyiapkan Stesen Keretapi di Chegar Perah, Kuala Lipis, Pahang.

Penceramah: En. Muhamad Haidar bin Ahmad Zaini – Arkitek J41, Bahagian Arkitek (CKIP).

Sesi 2:

Tajuk : Program Perkongsian Makluman Berhubung Lukisan *Pre-Approved Plans (PAP)*.

Penceramah: En. Aidzil Adzahar bin Ahmad -Pegawai Cawangan Arkitek, Urusetia *Pre-Approved Plan (PAP)*.



**Program : Perkongsian Ilmu bulan Ramadhan**

**Tarikh : 22 April 2021**

**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 8, Blok F Ibu Pejabat JKR Malaysia dan secara Maya**

Satu Program Wacana Ilmu sempena Bulan Ramadhan yang telah dianjurkan oleh Bahagian Korporat. Program ini telah disempurnakan oleh penceramah jemputan iaitu Ustaz Mohd Lutffi Aminuddin bin Ismail. Tajuk program wacana ilmu ialah "**Sifat Amanah Dalam Mencari Keberkatan Rezeki**" dan dihadiri oleh 60 orang warga kerja CKIP.

Program ini diadakan bagi memupuk kesedaran dan mengamalkan Sunnah dalam kerja seharian di samping menghayati nilai-nilai Islam dan mengekalkan Integriti dalam menjalankan tugas sebagai Penjawat Awam. Selain itu juga ia dapat menyemarakkan dan mensyukuri kehadiran bulan Ramadhan yang mulia .



**Program : Perkongsian Ilmu Bahagian Mekanikal & Meridean 2000 Sdn Bhd**  
**Tarikh : 6 Mei 2021**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 8, Blok F Ibu Pejabat JKR Malaysia**

Satu sesi Perkongsian Ilmu dari bahagian Mekanikal telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP), Tingkat 8, Blok F, Ibu Pejabat JKR bermula 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Program pembukaan ini di rasmikan oleh Ir. Ramlan bin Hamzah, Ketua Bahagian Korporat, Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, turut dihadiri oleh Puan Rosmila bin Osman, Jurutera Awam Kanan Bahagian Korporat, serta peserta-peserta program yang terlibat. Bagi mematuhi SOP yang berkuatkuasa, perkongsian ilmu ini diadakan secara *hybrid* iaitu secara persidangan bersemuka dan melalui video dengan secara *Google Meet*. Program perkongsian ilmu CKIP merupakan inisiatif bagi memupuk dan menggalakan budaya perkongsian ilmu dikalangan warga CKIP yang mempunyai latar belakang disiplin. Sesi taklimat dan Perkongsian Pengalaman ini diharap dapat mewujudkan ruang pebincangan yang sihat dari segi aspek teknikal dan pengurusan disebalik semangat cintakan ilmu.



Program ini terbahagi kepada dua sesi iaitu:

Sesi 1 : Sistem Pencegahan Kebakaran- *Fire Hose Reel*.  
 Penceramah: En. Md Khairull Nizam bin Kamisan- Jurutera Mekanikal, J44 (CKIP)


Sesi 2:  
 Tajuk : *Wireless Remote Condition Monitoring Solution*  
 Penceramah: Dr. Abdul Aziz Hanifah- *Meridean 2000 Sdn Bhd*

**Program : Perkongsian Ilmu Bahagian *Dedicated Design Team* (DDT) & Bahagian Darat**

**Tarikh : 15 Jun 2021**

**Tempat : Secara Maya**

Satu Sesi Taklimat dan Perkongsian ilmu telah berlangsung melalui pautan video dengan menggunakan *Google Meet*. Program ini turut dihadiri oleh YBrs. Ir. Waznah binti Abdul Aziz, Pengarah CKIP. Sesi Taklimat dan Perkongsian Ilmu seperti ini dapat memberi maklumat yang bermanfaat kepada warga CKIP. Program *Knowledge Sharing* CKIP merupakan inisiatif bagi memupuk dan menggalakan budaya perkongsian ilmu dikalangan warga CKIP yang mempunyai pelbagai latar belakang disiplin.



Program ini terbahagi kepada dua sesi iaitu:

Sesi 1:

Tajuk: Perancangan dan Rekabentuk Kerja Sivil bagi Projek Kerja-kerja Menaiktaraf Hub Nelayan LKIM Sungai Sembilang, Kuala Selangor.

Penceramah: Pn. Norhazwani Binti Shamir- Jurutera Awam (Bahagian DDT)

Sesi 2:


Tajuk: *Rehabilitation of Existing Railway Track*- Pakej A

Penceramah: En. Ku Joo Han, Jurutera Awam Kanan (Bahagian Darat)





# Gambar Aktiviti Dan Program Secara Maya Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan Pada Musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)



## Ahli AKRAB CKIP

### Pengenalan

AKRAB adalah nama khusus yang diberikan kepada Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam sebagaimana yang termaktub di dalam Pekeliling AKRAB merupakan akronim kepada kepada perkataan



Ir. Lee Sheau Feng  
Bahagian Pangkalan Udara  
03 2610 7230



Ridza Hafizuddin Bin  
Ab Majid  
Bahagian PMO  
03 2610 7827

#### MISI AKRAB

Melaksanakan aktiviti khidmat membimbing kepada warga organisasi.

Membantu pegawai yang memerlukan bantuan dalam menghadapi permasalahan kehidupan.

Bertindak sebagai pengantara antara pegawai dengan Pegawai Psikologi dalam membuat saringan kesesuaian masalah.

Mewujudkan hubungan baik dengan pihak pengurusan sumber manusia di agensi bagi memudahkan perlaksanaan aktiviti AKRAB.

#### MATLAMAT AKRAB

- Berkongsi ilmu dan pengetahuan;
- Sokongan kepada perubahan;
- Memperkuatkan semangat;
- Berkongsi permasalahan;
- Budaya kerja berpasukan; dan
- Meneguhkan perubahan.



Siti Wahida Bt  
Sulaiman  
Bahagian Korporat  
03 2610 7476



Norasilah binti Abdul Majid  
Pembantu Tadbir (Kewangan) W22  
Bhgn. Korporat  
03 26107563




# JPEDIA DAN JCOP


**TAHUKAH ANDA KEGUNAAN SERTA MANFAAT YANG BOLEH DIDAPATI DI JPEDIA DAN JCOP???**

## JPEDIA

- JPedia adalah ensiklopedia dalam talian yang terdiri daripada sumber pengetahuan dikumpulkan dan dianjurkan untuk mempromosikan perkongsian pengetahuan dan sokongan pembelajaran berterusan di kalangan kakitangan JKR.



Portal ini telah tersedia di dalam lama sesawang <https://www.jkr.gov.my/> yang berada di bawah tajuk Aplikasi Atas Talian di bawah tanggungjawab unit ECKM (Enterprise Content Knowledge Management) dari CPAB Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu JKR Malaysia.



## JCOP

- Mengenalpasti, mencipta, menyimpan, berkongsi dan menggunakan pengetahuan
- Kurangkan lengkung pembelajaran pekerja baru
- Membolehkan pembangunan profesional
- Kurangkan kerja semula dan mencegah penciptaan roda
- Kaedah lebih cepat menyelesaikan masalah dan masa tindak balas kepada keperluan & pertanyaan
- Menerapkan amalan yang baik
- Membina idea baru untuk produk dan perkhidmatan
- Membolehkan pembelajaran dipercepatkan
- Pembelajaran untuk bertindak
- Buatlah peningkatan prestasi organisasi



# PASUKAN PENYELAM MARITIM CKIP

## PENAUNG




Ir Waznah Binti  
Abdul Aziz  
(Advance Diver)

## PENASIHAT



Ir Mahalil bin  
Mohtar  
(Advance Diver)

## RESCUE DIVER



Mohd Harris  
bin Ramli




Rahmat  
Andieko bin  
Hussin



Muhamad  
Hafizzudin  
bin Hashim




Mohd Aiman  
bin Abdullah



Helmon  
Maraun



Muhamad  
Ridhwan bin  
Abu Bakar



Mohd Ahza  
bin Sahlan

## OPEN WATER DIVER



Mohd Ridzuan  
bin Saliman



Mohd Taha  
bin Suman



Ir. Wong  
Thian Chun



Nur Ariffah  
binti Mohd  
Nor



Noorlida binti  
Mohd Yusof



Mizlina binti  
Moktar

PEGAWAI MASUK

PERGERAKAN PEGAWAI

● NAMA ● JAWATAN / GRED ● PENEMPATAN ● TARIKH KUATKUASA



- Siti Mashiedayu binti Abd. Khalid
- Pelukis Pelan (Awam) Gred JA19
- Bahagian Arkitek
- 04.01.2021



- Muhammad Azrin bin Othman
- Pembantu Awam Gred H11
- Bahagian Ukur Tanah Ibu Pejabat
- 04.01.2021



- Sr Taufek bin Kassim
- Juruukur Gred J54
- Bahagian Ukur Tanah Ibu Pejabat
- 11.01.2021



- Ruzita binti Zainal
- Jurutera Awam Gred J54)
- Bahagian PMO
- 02.02.2021



- Ir Akram bin Abdul Aziz
- Jurutera Awam Gred J52 (M)
- Bahagian DDT
- 10.02.2021



- Faizul Nizam bin Mohamad Nan
- Jurutera Awam Gred J48
- Maritim
- 16.02.2021



- Ir. Ts. Nur Najwani binti Kamarulzaman
- Jurutera Awam Gred J48 (M)
- Bahagian Pangkalan Udara
- 16.02.2021



- Ang Yee Wen
- Jurutera Awam Gred J44(M)
- Bahagian Ukur Tanah Ibu Pejabat
- 21.02.2021




- Mohd Azwan bin Azis
- Pen. Jurutera Awam Gred JA36(M)
- Bahagian Ukur Tanah Ibu Pejabat
- 01.03.2021




- Norzamri bin Husain
- Pen. Jurutera (Elektrik) Gred JA36(M)
- Bahagian Elektrik
- 01.03.2021



- Ar. Nik Muhammad Syahman bin Nik Ibrahim
- Arkitek Gred J41
- Bahagian Arkitek
- 15.03.2021



- Noor Azlini Farhana binti Azri
- Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA19
- Bahagian Arkitek
- 15.03.2021



PERGERAKAN PEGAWAI

PEGAWAI MASUK

● NAMA ● JAWATAN / GRED ● PENEMPATAN ● TARIKH KUATKUASA



- Ain Azimah binti Ibrahim
- Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA19
- Bahagian DDT
- 15.03.2021



- Ahmad Amirull Amin bin Saupi
- Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA19
- Bahagian Arkitek
- 15.03.2021



- Muhammad Hakimi bin Samsul Kamal
- Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA19
- Bahagian Arkitek
- 15.03.2021



- Nurul Sharmira binti Mohd Sidek
- Penolong Jurutera Awam Gred JA29
- Bahagian Pangkalan Udara
- 01.04.2021



- Muhamad Faiz bin Zulkifly
- Penolong Jurutera Awam Gred JA29
- Bahagian DDT
- 01.04.2021



- Nurul Ain binti Zulkefli
- Penolong Jurutera Awam Gred JA29
- Bahagian Korporat
- 01.04.2021



- Muhamad Zulkifli bin Ismail
- Penolong Jurutera Awam Gred JA29
- Bahagian Maritim
- 01.04.2021



- Muhammad Farid bin Ibrahim
- Penolong Jurutera Awam Gred JA29
- Bahagian DDT
- 01.04.2021



- Mohamad Fitri bin Abdullah
- Penolong Jurutera Awam Gred JA29
- Bahagian Maritim
- 01.04.2021



- Noor Suraya binti Hanafi
- Penolong Jurutera Awam Gred JA29
- Bahagian Ukur Bahan
- 01.04.2021



- Mat Alias bin Dollah
- Penolong Jurutera Awam Gred JA29
- Bahagian UTWTL
- 21.04.2021



PEGAWAI KELUAR

● NAMA ● JAWATAN / GRED ● PENEMPATAN ● TARIKH KUATKUASA



- Ir. Mohd Adam bin Abdullah
- Jurutera Elektrik Penguasa J52 (M)
- Cawangan Kejuruteraan Elektrik
- 16.11.2020



- Ir. Nurul Akmar Binti Mohamad Ramli
- Jurutera Elektrik J44 (M)
- Cawangan Kerja Kesihatan
- 16.11.2020



- Ir. Suhaizad bin Hj. Sulaiman
- Jurutera Awam, Jurutera Gred J54
- JKR WP Labuan
- 16.11.2020



- Sr Abd Razak Bin Ali
- Juruukur Bahan Gred J44
- Majlis Keselamatan Negara
- 15.01.2021



- Ir. Noraidah Binti Yahya
- Jurutera Awam Gred J54 (M)
- Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur
- 10.02.2021



- Sr Khairul Nizam Bin Harun
- Juruukur Bahan Gred J48
- Cawangan Kejuruteraan Ukur Bahan
- 13.01.2021



- Nurizzati binti Mohamad
- Pembantu Tadbir (P/O) N19
- APMM Lumut, Perak
- 13.01.2021



- Filzah binti Ali Hassan
- Jurutera Awam Gred 52
- Cawangan Kejuruteraan Cerun
- 10.02.2021



- Dila Farhana binti Abu Bakar
- Jurutera Awam Gred J44(M)
- CKBA 2
- 22.02.2021



- Mohd Ismail Bin Mohd Isa
- Penolong Jurutera Awam Gred JA36
- Cawangan Kejuruteraan Cerun
- 01.03.2021



- Mohd Harith Husairi Bin Mohd Hussin
- Pelukis Pelan Senibina Gred JA19
- JKR Negeri Kedah
- 15.03.2021



- Nurul Nabila Binti Mohd Zol
- Pelukis Pelan Senibina Gred JA19
- JKR Negeri Johor
- 15.03.2021

PERGERAKAN PEGAWAI

PEGAWAI KELUAR

● NAMA ● JAWATAN / GRED ● PENEMPATAN ● TARIKH KUATKUASA



● Mohd Haniff Saffuan Bin Ali Omar  
● Penolong Jurutera Awam Gred JA29  
● ICU, JPM Sabah  
● 01.04.2021



● Syawaitul Azrian Binti Azmi  
● Penolong Jurutera Awam Gred JA29  
● Kementerian Alam Sekitar (Kader)  
● 01.04.2021



● Ahmad Zarul Hakim Bin Zamaludin  
● Penolong Jurutera Awam Gred JA29  
● Pasukan Projek Persekutuan Negeri Perak  
● 01.04.2021



● Mohamad Hafizullah Bin Samsuddin  
● Penolong Jurutera Awam Gred JA29  
● Kem Tentera JK Negeri Pahang, CSFB  
● 01.04.2021



● Mas Niza Binti Abu Bakar  
● Juruukur Bahan Gred J44(M)  
● Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan  
● 12.04.2021



● Nur Radhiah Binti Raseli  
● Penolong Jurutera Awam Gred JA29  
● Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur  
● 01.04.2021



● Erly Azmizi bin Deraman  
● Jurutera Mekanikal Gred J48  
● JKR Putrajaya  
● 12.04.2021



● Mohd Azreen Bin Mohd Nor  
● Penolong Jurutera Awam Gred JA29  
● JKR Negeri Kelantan  
● 21.04.2021



● Ir. Ramlan Bin Hamzah  
● Jurutera Awam Gred J54  
● Kementerian Pengangkutan Malaysia  
● 24.05.2021





**+6 03-2610 7214 / 7209**



**+6 03-2696 5273**



**Cawangan Kejuruteraan  
Infrastruktur Pengangkutan**



**@ckipjkr**